

PM saran bentuk peraturan perdagangan global lebih adil

UM 2 1 OCT 2003

Daripada KHALID MOHD, ZAINI HASSAN dan MOHD. NOR SAMAD

BANGKOK 20 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyarankan pembentukan satu peraturan perdagangan global yang adil dan bukan semata-mata yang dicipta oleh satu pihak, iaitu negara maju dan kaya untuk terus menakluki ekonomi negara membangun dan miskin.

Menurut Perdana Menteri, inilah yang berlaku sekarang dalam globalisasi dan Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) dan sebab itu negara maju harus menerima hakikat bahawa suara negara membangun dan miskin mesti diambil kira sebelum merangka agenda perdagangan dunia yang adil dan bebas.

Beliau menegaskan teras kepada perdagangan global bukan sahaja perlu bebas tetapi

hendaklah adil kepada semua. "Perdagangan yang adil sudah tentu bebas, tapi perdagangan yang bebas, tidak semestinya adil."

● Lagi laporan, gambar di muka 17, 18 dan 19

Beliau yang berucap — tanpa teks — dengan menggunakan pendekatan ekonomi paling logikal dan mudah, diberi tunjukan gemuruh apabila menyampaikan pandangannya mengenai tajuk *Globalisasi — Cabaran dan Ketidakpuasan* hari ini.

Majlis itu yang dikenali sebagai Sidang Kemuncak APEC-CEO diadakan sebagai acara sampingan pada Sidang Kemuncak Ketua-Ketua Ekonomi Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) ke-11 di sini. Dua lagi ahli panel yang mengambil bahagian ialah Perdana Menteri New Zealand, Helen Clarke dan Presiden Chile, Ricardo Lagos. WTO kini dalam proses merangka satu peraturan

perdagangan pelbagai hala. Selepas kegagalan di Cancun, dunia mempunyai tempoh sehingga 1 Januari 2005 untuk merealisasikan matlamat tersebut.

Sehubungan itu, menurut Dr. Mahathir, apa yang perlu dilakukan sekarang ialah merangka satu agenda baru yang dipersetujui oleh semua — kaya dan miskin — bagi mewujudkan satu peraturan perdagangan dunia yang adil dan saksama.

"Apa yang perlu kita lakukan ialah berbincang semula dan mengakui kita telah mengambil satu pendekatan yang silap berhubung perdagangan global dan kita perlu rangka agenda baru yang dipersetujui oleh semua negara termasuk negara membangun," kata beliau menjawab soalan seorang peserta pada sesi dialog di majlis itu.

■ Lihat muka 4

PM saran bentuk peraturan perdagangan global lebih adil

UM 2 OCT 2013

Semasa mesyuarat mukadimah Dr. Mahathir menjelaskan, kegagalan rundingan perdagangan WTO di Cancun, Mexico aertennahan September lalu adalah kerana agenda yang dibincangkan hanya memberi keuntungan kepada negara-negara kaya.

“Kita dapati negara membangun dan miskin tidak mendapat faedah daripada WTO sebab mereka tidak mempunyai kelebihan mengikut agenda WTO. Ini menyebabkan timbulnya ban-

tahan daripada negara-negara membangun dan miskin,” katanya.

Sambil memberi contoh, Dr. Mahathir berkata: “Permainan bola sepak Amerika, pemainnya mempunyai badan yang besar dan seberat 200 pound sudah tentu kita yang badan kecil ini tidak mampu mengalahkan mereka. Sebab itu kita perlu ada *handicap* seperti dalam permainan golf. Ia akan memberi kelebihan kepada semua pemain yang kecil atau yang besar dan mewujudkan permainan yang adil.”

Beliau juga menegaskan gelombang globalisasi yang tidak dikawal ini boleh menjahankan industri tempatan ekoran kemasukan syarikat-syarikat gergasi asing tanpa sekatan.

Syarikat-syarikat besar itu yang menuntut layanan yang sama seperti syarikat tempatan akhirnya akan menyebabkan kejatuhan syarikat tempatan yang tidak mempunyai modal yang besar ini.

Sebagai contoh, sesuatu negara itu juga mahu melihat syarikat dan barangan buaatannya berjaya dan maju.

“Jika ada seorang gadis yang cantik, tapi bukan anak kita, kita tidak akan rasa bangga, tapi kalau itu anak kita, sudah tentu kita merasa bangga,” katanya membuat perbandingan yang mudah mengenai barangan tempatan yang menjadi kebangsaan, tetapi mahu dimusnahkan akibat ketidakadilan dalam peraturan perdagangan dunia dalam sistem globalisasi ciptaan negara maju.

Katanya, masalah ketidakadilan dalam perdagangan sudah cukup lama dibincangkan dalam WTO.

Perdana menteri menegaskan: “Kita tolak agenda (WTO). Tetapi dalam masa yang sama kita perlu juga menyediakan agenda balas.”

Dr. Mahathir turut membincangkan sejarah bermulanya globalisasi yang agendanya dirangka oleh negara maju dan sudah tentulah memenuhi kepentingan mereka.

Beliau berkata, kegagalan rundingan mengenai perdagangan pelbagai hala disebabkan negara-negara membangun termasuk Malaysia tidak bersetuju dengan agenda perbincangan.

Menurut Dr. Mahathir, setiap agenda yang dirangka untuk perbincangan oleh 146 anggota WTO, di mana separuh daripadanya negara membangun, perlu mengambil kira semua aspek termasuk jurang antara ekonomi negara kaya dan miskin.

“Saya harap negara kaya menerima bahawa agenda (WTO) juga perlu datang daripada negara miskin sebagaimana agenda sebelum ini datang daripada negara kaya,” katanya mengakhiri mukadimah ringkas mengenai globalisasi sebelum diikuti oleh dua panel lain dan dialog.

Semasa sesi dialog 15 minit dibuka, p&a peserta APEC-CEO terus bertanyakan Dr. Mahathir mengenai apa yang perlu dilakukan bagi membetulkan ketidakadilan itu.

Perdana Menteri berkata, matlamat rundingan perdagangan Doha adalah untuk melihat pembangunan di negara-negara membangun tercapai.

“Tapi tidak banyak dilakukan, malah semasa rundingan perdagangan di Cancun, negara kaya menimbulkan isu-isu baru sehingga mengetepikan terus isu pembangunan,” katanya.